

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
INSTITUT TADBIR AWAM NEGARA  
KAMPUS WILAYAH SELATAN ( IKWAS )

OLEH

NUR ALIZANI BINTI ISMAIL  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2006

0/3416

Perpustakaan  
Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

L1 43 FPE 2 2006



1100045581

Laporan akhir latihan industri di Institut Tadbir Awam Negara Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) / Nur Auzani Ismail.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100045581

1100045581

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

11-13  
FEB  
2013

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI**  
**INSTITUT TADBIR AWAM NEGARA**  
**KAMPUS WILAYAH SELATAN**  
**(IKWAS)**

**OLEH:**

**NUR AUZANI BINTI ISMAIL**

**UK 9413**

**SARJANA MUDA PENGURUSAN**  
**(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI HANTAR KEPADA**  
**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI**  
**JABATAN EKOLOGI SOSIAL**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI**  
**MALAYSIA**  
**2006**

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Nur Auzani Binti Ismail mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

### Tandatangan



Nama : NUR AUZANI ISMAIL

No. Matrik : UK9413

Tarikh : 7/11/2006

Disahkan oleh,



DR. NIZAITA OMAR

Pensyarah

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

Dr. Nizaita Binti Omar

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

KUSTEM

## PENGHARGAAN

*Alhamdulillah, saya mulakan dengan nama Allah S.W.T tanda kesyukuran ke atas kesempatan yang telah dikurniakan-NYA untuk saya menjalani Latihan Industri ini selama 3 bulan dan seterusnya berjaya menyiapkan laporan ini. Saya amat bersyukur kerana diberikan kudrat untuk menamatkan Latihan Industri ini tanpa ada halangan supaya saya dapat belajar dan menimba pengalaman sebagai persiapan saya pada masa akan datang.*

*Syukran jazilan kepada penyelia Latihan Industri, Tuan Haji Hashim Bin Mos yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang menjalani latihan industri di INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS). Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada semua warga IKWAS di Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit Domestik, Unit Latihan dan Perpustakaan kerana tidak jemu-jemu memberikan ilmu yang berguna kepada saya. Segala tunjuk ajar, jasa dan budi baik yang telah mereka curahkan amatlah saya hargai dalam membantu saya menempuh pengalaman pertama yang mendedahan saya kepada dunia perkerjaan.*

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada koordiantor Latihan Industri, Dr. Nizaita binti Omar kerana dapat membimbing saya sehingga berjaya melaksanakan tugas ini dengan jayanya. Beliau telah banyak memberi kami garis panduan sebagai persediaan untuk kami menjalani latihan industri. Tambahan pula, beliau sanggup datang dari

Terengganu ke Johor untuk membuat penilaian ke atas tugas saya dan saya amat berterima kasih.

Akhir sekali saya tujukan ucapan terima kasih kepada keluarga saya yang banyak membantu semasa saya menjalani Latihan Industri dengan memberikan sokongan agar saya tidak berputus asa dalam menghadapi suasana baru. Di sini juga saya tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang sama-sama berusaha dan tolong menolong dalam menyiapkan tugas ini.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan satu program pelengkap yang menjadi salah satu syarat untuk bergraduat bagi pelajar yang mengambil program Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) dan juga untuk program-program yang lain di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). KUSTEM mengambil langkah yang bijak dengan menghantar pelajar-pelajarnya untuk menjalani Latihan Industri pada cuti semester tiga bulan yang dengannya pelajar dapat menambah pengalaman yang sedia ada. Sebenarnya langkah yang diambil oleh pihak KUSTEM ini bertujuan melahirkan graduan yang berkebolehan, berdaya saing dan tidak gentar untuk menghadapi alam pekerjaan yang bakal menunggu. Oleh itu, pihak KUSTEM tidak teragak-agak menghantar pelajarnya untuk menjalani latihan di mana sahaja tetapi dalam masa yang sama perlulah mematuhi akta universiti, ada jaminan keselamatan dan pelajar dapat mempelajari sesuatu ilmu di situ. Pihak KUSTEM juga membenarkan pelajar membuat pilihan tempat untuk menjalani Latihan Industri kerana ianya mungkin bersesuaian dengan minat pelajar tersebut. Seterusnya, pihak KUSTEM sebenarnya mahu para pelajarnya mempunyai kemahiran secara teori dan boleh mengaplikasikan kemahiran tersebut secara praktikal. Ini kerana terdapat ramai graduan masa kini yang hanya pandai dalam bidang teori tetapi lemah jika diminta ke hadapan. Oleh itu, pihak KUSTEM tidak mahu pelajar yang lahir daripada KUSTEM adalah pelajar yang pasif di alam pekerjaan. Tindakan ini merupakan satu tindakan yang wajar dan memberikan banyak faedah kepada pelajar itu sendiri. Semasa Latihan Industri dijalankan, banyak perkara yang boleh dipelajari oleh pelajar. Antaranya mengenal sistem pengurusan sesebuah organisasi dan dapat melihat tanggungjawab setiap individu yang bertugas dalam organisasi tersebut. Pelajar juga dapat mempelajari bagaimana mengurus masa dan diri dalam menghadapi cabaran di tempat kerja. Jika pelajar dapat mengatasi cabaran tersebut ianya memperlihatkan penampilan pelajar yang berkualiti, mempunyai nilai kepimpinan dan tidak gentar menghadapi arus perubahan yang akan datang. Program seperti ini bukan sahaja memberikan kesan ke atas pelajar tetapi juga ke atas semua pihak yang terlibat termasuklah pihak universiti dan pihak organisasi tersebut. Setiap perlaksanaan memerlukan komitmen daripada semua pihak dan secara tidak langsung, pihak luar dapat melihat bahawa KUSTEM boleh kehadapan dengan memberikan komitmen yang baik serta mampu melahirkan pelajar yang cemerlang. Oleh itu, perlaksanaan Latihan Industri ini bukanlah sesuatu yang merugikan tetapi mempunyai nilai tambah kepada pelajar dan universiti bukan sahaja pada masa kini tetapi pada masa hadapan.